



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI IKLAN JAWATAN

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di **Majlis Daerah Kota Tinggi**.

BIL	JAWATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED	STATUS	KEKOSONGAN
1.	Pemandu Kenderaan	Kemahiran	H11	Tetap	1
2.	Pembantu Penguat Kuasa (Letak Kereta)	Keselamatan Dan Pertahanan Awam	KP19	Kontrak	1

SYARAT LANTIKAN

Syarat-syarat lantikan serta maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman web Majlis Daerah Kota Tinggi di www.mdkt.gov.my

PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Jawatan yang boleh diperolehi dengan melayari laman web Majlis Daerah Kota Tinggi di www.mdkt.gov.my atau boleh diperolehi di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Kota Tinggi.

Borang yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar kepada :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
JALAN PADANG
81900 KOTA TINGGI**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 14 OKTOBER 2018 (AHAD)

SAIPOL RAHMAN BIN HAJI AMAT
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 30 September 2018



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI IKLAN JAWATAN

JAWATAN/SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU PENGUAT KUASA (LETAK KERETA)

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

GRED JAWATAN / GAJI : KP19

SYARAT LANTIKAN 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 :
RM1,360.00)
atau

- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 :
RM1,360.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 :
RM1,416.40); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19 :
RM1,472.80); atau

- dan (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut :-
- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja)
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred KP19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**PENAKLUKAN DI BAWAH
SYARAT-SYARAT SKIM
PERKHIDMATAN**

4. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Penguat Kuasa (Letak Kereta) adalah tertakluk kepada syarat-syarat Skim Perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

5. **Kontrak**

**TARIKH TUTUP
PERMOHONAN**

6. **14 Oktober 2018 (Ahad)**

CARA MEMOHON

7. (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor pada waktu pejabat dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskah atau mengemukakan sampul surat berukuran 23cm x 16cm beralamat sendiri beserta setem RM0.60 atau boleh dimuat turun melalui laman web www.mdkt.gov.my dan bayaran borang permohonan hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.

- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan-salinan sijil persekolahan (diakui salinan sah), kad pengenalan, dokumen-dokumen sokongan dan sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) dan hendaklah dihantar kepada :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
JALAN PADANG
81900 KOTA TINGGI**

- (c) Permohonan dari pegawai-pegawai sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Penguasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab "A" Bil.18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- (d) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (e) Hanya calon-calon yang berkeelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

SAIPOL RAHMAN BIN HAJI AMAT

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 30 September 2018



MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI IKLAN JAWATAN

JAWATAN/SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMANDU KENDERAAN
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN / GAJI	:	H11
JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM	:	RM1,218.00 – RM2,939.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan [P]; dan
 - (iii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu :

 - Lesen D : RM1,264.15
 - Lesen E/E1/E2 : RM1,310.30
 - Lesen F/H : RM1,356.45
 - Lesen G/I : RM1,402.60
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- | | | |
|--|-----|---|
| PENETAPAN GAJI PERMULAAN | 3. | Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H11 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan. |
| PELARASAN GAJI BAGI PEGAWAI YANG MEMPEROLEHI LESEN MEMANDU KELAS LEBIH TINGGI SEMASA DALAM PERKHIDMATAN | 4. | Pemandu Kenderaan yang memperolehi lesen memandu kelas lebih tinggi semasa dalam perkhidmatan hendaklah diselaraskan ke amaun gaji permulaan mengikut lesen berkenaan, sekiranya gaji pegawai masih rendah daripada gaji permulaan lesen berkaitan. |
| TEMPOH PERCUBAAN | 5. | Pegawai adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama satu (1) hingga tiga (3) tahun. |
| LATIHAN | 6. | Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| PROGRAM TRANSFORMASI MINDA | 7. | Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan. |
| PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN | 8. | <p>Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :</p> <p>(a) memenuhi tempoh percubaan;</p> <p>(b) Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan</p> <p>(c) Diperakui oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.</p> |
| PERGERAKAN GAJI TAHUNAN | 9. | Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| TARAF JAWATAN | 10. | TETAP |
| TARIKH TUTUP PERMOHONAN | 11. | 14 OKTOBER 2018 (AHAD) |
| CARA MEMOHON | 12. | <p>(a) Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh didapati di Pejabat Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor pada waktu pejabat dengan dikenakan bayaran RM1.00 senaskah atau mengemukakan sampul surat berukuran 23cm x 16cm beralamat sendiri beserta setem RM0.60 atau boleh dimuat turun melalui laman web www.mdkt.gov.my dan bayaran borang permohonan hendaklah dibuat menggunakan kiriman wang pos.</p> <p>(b) Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan-salinan sijil persekolahan (diakui salinan sah), kad pengenalan, dokumen-dokumen sokongan dan sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) dan hendaklah dihantar kepada :-</p> |

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI
JALAN PADANG
81900 KOTA TINGGI**

- (c) Permohonan dari pegawai-pegawai sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Penguasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab "A" Bil.18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.
- (d) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (e) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

SAIPOL RAHMAN BIN HAJI AMAT

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kota Tinggi

Tarikh : 30 September 2018